



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**22 JANUARI 2023 (AHAD)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDN)**

---

**22 JANUARI 2023 (AHAD)**

# Pasukan khas kaji masalah Touch 'n Go

**Johor Bahru:** Satu pasukan khas ditubuhkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) semalam, bagi mengkaji dan meneliti semua masalah yang timbul berkaitan penggunaan sistem pembayaran, Touch 'n Go.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata pasukan khas itu diketuai ketua setiausaha (KSU) kementerian itu dan wakil syarikat pengendali sistem Touch 'n Go, diarah mengemukakan semua laporan mengenai masalah yang timbul dan perlu diselesaikan.

Beliau berkata, pasukan khas akan memastikan isu berkaitan penggunaan (Touch 'n Go) yang membebankan rakyat diselesaikan dalam tempoh terdekat.

"Dalam minggu ini, memang ada banyak aduan mengenai isu Touch 'n Go ini, jadi selain rakyat rasa terbeban, ini juga menjadi beban kepada saya sendiri sebagai menteri. Oleh itu saya mengambil tindakan yang cepat untuk kita sama-sama bincang dan atasi masalah ini.

"Atas keprihatinan kita dan apabila ini menjadi isu rakyat, saya harap pasukan khas yang diketuai KSU ini akan membuat satu bedah siasat secara menyeluruh supaya tidak akan berulang lagi pada masa akan datang.

"Saya juga minta laporan diberikan kepada kementerian bagi setiap kes, sebagai contoh semalam kita dapat secara terperinci mengenai satu masalah itu dan mereka (syarikat) memberi-

kan jawapan dengan segera sekali gus isu yang timbul dapat dipantau dan rakyat tidak lagi mendapat kesusahan atau ada masalah dengan perkhidmatan Touch 'n Go ini," katanya dalam sidang media di Kampung Pasir, semalam.

## Syarikat bertaraf monopoli

Salahuddin berkata, tindakan akan diambil ke atas syarikat pengendali Touch 'n Go jika mereka tidak menunaikan tanggungjawab menyelesaikan isu berbangkit berhubung produk itu.

"Oleh kerana syarikat ini bertaraf monopoli, jadi sebarang kesulitan dan rungutan rakyat akan saya perinci, teliti dan pastikan bahawa mereka (syarikat Touch 'n Go) menunaikan tang-

gungjawab dan sekiranya mereka tidak mengambil perhatian, saya akan membincangkan tindakan-tindakan yang akan diambil," tegasnya.

Salahuddin yang juga Ahli Parlimen Pulai berkata, antara masalah diutarakan pengguna Touch 'n Go antara lain mengenai kad prabayar itu, servis di semua tol khususnya apabila menjelang musim cuti perayaan, kad prabayar tidak berfungsi atau tidak boleh diaktifkan serta talian hotline yang tidak dijawab.

Katanya, kelmarin beliau sudah meminta pengurusan Touch 'n Go tampil menjawab beberapa persoalan berkaitan pelbagai rungutan orang ramai dan aduan berhubung penggunaan sistem pembayaran baharu itu.

## Bekalan di Pulau Pinang pulih tiga bulan lagi

**Butterworth:** Bekalan telur ayam di pasaran Pulau Pinang ketika ini berada sekitar 50 hingga 60 peratus dan ia dijangka pulih sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan lagi.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pulau Pinang R Jegan berkata orang ramai tidak perlu bimbang dengan membuat pembelian panik kerana bekalan telur ayam mencukupi termasuk sem-

pena sambutan Tahun Baharu Cina.

"Ketika ini stok telur ayam bagi semua gred terutama A, B dan C memang mencukupi, pihak kami boleh dikatakan setiap hari menjalankan tinjauan dan pemeriksaan di pasar raya, pusat beli-belah dan kedai runcit bagi memastikan bekalan (telur ayam) ada. Ayam dan minyak peket bersubsidi 1 kilogram pun setakat ini mencukupi.

"Pengusaha ladang tem-

patan sedang berunding dengan pihak kerajaan bagi mencari jalan penyelesaian mengenai bekalan telur ayam di pasaran. Jadi, dalam tempoh tiga bulan lagi bekalan telur ayam akan pulih sepenuhnya seperti biasa," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas melakukan tinjauan mesra dan Pemantauan Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baharu Cina 2023 peringkat Pulau Pi-

pinang di sebuah pasar raya di Bagin Ajam, di sini yang turut dihadiri Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDN Pulau Pinang A Mogan.

Mengulas lanjut mengenai bekalan telur ayam yang didakwa berkurangan di kedai runcit sehingga mendapat rungutan dalam kalangan pengguna, Jegan berkata isu itu adalah melibatkan waktu penghantaran telur ayam yang berbeza di kedai terlibat.

"Pembeli mendakwa tiada bekalan telur di kedai-kedai runcit tetapi sebenarnya masalah itu timbul apabila penghantaran ke kedai runcit bukan dibuat setiap hari dan kalau (waktu penghantaran) bekalan telur ke kedai runcit itu kerap, maka bekalan telur ayam tidak akan berkurangan, begitulah sebaliknya," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, 122 pegawai penguat kuasa dan 66 pegawai pemantau harga

KPDN Pulau Pinang ditugaskan di beberapa lokasi seperti pasar awam, pasar tani dan pusat beli-belah bagi membuat pemantauan sepanjang tempoh pelaksanaan SHMMP Tahun Baharu Cina 2023 bermula 15 hingga 29 Januari ini.



## KPDN tubuh pasukan khas tangani masalah visa Touch 'n Go

**JOHOR BAHRU** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bakal menubuhkan pasukan khas dalam usaha menangani beberapa permasalahan berkaitan sistem pembayaran baharu visa Touch 'n Go.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, pasukan khas di bawah KPDN itu akan ditubuhkan serta-merta bagi melakukan bedah siasat secara menyeluruh dalam usaha menyelesaikan permasalahan berkenaan.

Malah, jelas beliau, pasukan khas yang diketuai sendiri oleh ketua setiausaha kementerian itu juga akan meneliti, seterusnya menyelesaikan permasalahan berkenaan dalam masa terdekat.

"Semalam (Jumaat), saya telah meminta pihak pengurusan Touch 'n Go untuk tampil menjawab beberapa persoalan di kementerian susulan rungutan orang ramai yang banyak sampai kepada saya sendiri.

"Aduan tertinggi yang kita terima adalah dalam tempoh minggu perayaan Tahun Baharu Cina ini dengan kebanyakannya melibatkan kad rebat dan kad yang gagal diaktifkan.

"Oleh itu, saya minta pegawai penguat kuasa untuk membuat suatu kajian teliti dan kita telah meminta pihak Touch 'n Go membuat laporan secara berjadual yang mana laporan perlu dihantar secara kes demi kes untuk kita kenal pasti punca selain meneliti setiap aduan yang diterima," katanya pada Sabtu.

Pada Khamis lalu, pihak Touch 'n Go mengesahkan bahawa kad prabayar visanya yang baru dilancarkan tidak boleh digunakan bagi tujuan pembayaran tol di lebuh raya termasuk bagi pengangkutan awam.

Perkara itu berlaku difahamkan akibat Touch 'n' Go tidak dapat menyatupadukan kedua-dua ciri Touch 'n Go dan Visa Paywave NFC berikutan gangguan ketika

fasa pembangunan awal kad prabayar tersebut.

Sementara itu, Salahuddin berharap pasukan khas itu dapat membuat bedah siasat secara menyeluruh supaya isu yang timbul tidak akan berulang pada masa akan datang.

“

Aduan tertinggi yang kita terima adalah dalam tempoh minggu perayaan Tahun Baharu Cina ini dengan kebanyakannya melibatkan kad rebat dan kad yang gagal diaktifkan.”

"Ketika ini, kita berdepan dengan isu kepenggunaan jalan raya yang meningkat disebabkan perayaan Tahun Baharu Cina, selepas ini sudah pasti kita juga bersedia untuk menyambut bulan puasa dan juga Hari Raya Aidilfitri.

"Oleh itu, atas dasar keprihatinan kepada rakyat, kita akan tengok perkembangannya pada minggu depan, setelah kita terima laporan itu dan menelitinya sebelum mengambil tindakan," kata beliau lagi.



SALAHUDDIN